

19 JUL 1999

Mahathir-Cabar

DR MAHATHIR UNBUR JIKA NIK AZIZ BUKTIKAN TUHAN MENCARUT

JITRA, 19 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menawarkan untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang jika Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat dapat membuktikan bahawa dalam Al-Quran Tuhan mencarut.

"Saya sanggup tidak bertanding kalau Nik Aziz boleh tunjukkan perkataan itu dalam Al-Quran," katanya pada perjumpaan dengan penduduk Kampung Ketol, Batu 17, di sini hari ini.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Nik Aziz sepatutnya berhenti daripada menjadi Menteri Besar Kelantan jika gagal membuktikan perkara itu.

"Seseorang tidak sepatutnya berkata sesuatu mengenai agama semata-mata kerana kepentingan politik," katanya.

Dr Mahathir merujuk kepada kenyataan Nik Aziz yang mempertahankan buku Shit yang dipenuhi perkataan mencarut dan maki hamun, tulisan Sasterawan Negara Shanon Ahmad yang juga anggota PAS seumur hidup.

Pada perhimpunan Agung Umno di ibu negara bulan lepas, Dr Mahathir ada menawarkan wang RM100,000 kepada sesiapa yang dapat membuktikan bahawa Tuhan membenarkan mencarut dalam Al-Quran.

Buku Shit itu mendapat pelbagai reaksi daripada pemimpin politik dan juga orang ramai.

Selain, mengandungi perkataan mencarut, ia juga menghina Dr Mahathir dan ibunya.

Shanon pula semasa berceramah di Kedah awal bulan ini, telah meminta maaf kepada Dr Mahathir sekiranya tulisannya itu menyinggung perasaan Perdana Menteri tetapi keesokannya beliau menafikan berbuat demikian.

Yang turut hadir di majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

JM MAI